

Kurangkan guna dolar Amerika: PM

BH 15 NOV 2000

Daripada Mahfar Ali

DOHA, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan negara Islam mengurangkan penggunaan dolar Amerika dalam transaksi perdagangan bagi menyekat kenaikan nilai mata wang itu.

Malaysia, kata Perdana Menteri, sedia menerima Yen, Euro dan apa juga mata wang yang terjamin.

“Jika semua negara mengurangkan penggunaan dolar Amerika dalam transaksi perdagangan, sudah tentu mata wang itu akan berlambak di pasaran dan ini akan menurunkan nilainya.

“Tapi kalau kita terus berurus niaga menggunakan dolar, ia akan mempunyai permintaan dan nilainya naik,” katanya dalam sidang akhbar di sini, sebelum berlepas pulang ke tanah air malam tadi.

Kira-kira 80 peratus urusan perdagangan antarabangsa kini dikendalikan dalam dolar Amerika, malah minyak diniagakan secara eksklusif menggunakan mata wang itu.

Dr Mahathir yang tiba di sini Sabtu lalu untuk menghadiri sidang kemuncak kesembilan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengulas mengenai kemungkinan Dinar digunakan di kalangan negara Islam bagi

“

Jika semua negara mengurangkan penggunaan dolar Amerika dalam transaksi perdagangan, sudah tentu mata wang itu akan berlambak di pasaran dan ini akan menurunkan nilainya

”

– Dr Mahathir Mohamad

menggantikan dolar Amerika.

Dalam sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut ditanya mengenai pengalaman Malaysia menangani krisis kewangan dan pelaksanaan projek Koridor Raya Multi Media (MSC).

Beliau menjelaskan, Malaysia sedia mengadakan kerjasama dengan pusat teknologi maklumat (IT) lain termasuk mengkaji kemungkinan menyertai projek Pusat Teknologi Dubai untuk manfaat kedua-dua negara.

Katanya, idea dalam bidang itu tidak harus dimonopoli oleh sesiapa pun dan Malaysia sendiri mewujudkan MSC bukan bertujuan bersaing dengan pusat lain seumpama itu.

Mengenai kemungkinan Asia akan menguasai dunia pada abad ini, Dr Mahathir berkata idea untuk menjadikan abad ini milik Asia tidak boleh dilaksana-

kan kerana ia hanya akan mencetuskan konfrontasi dengan Barat dan keadaan itu tidak menguntungkan.

“Tiada siapa seharusnya mengetuai abad ini, semuanya mesti diberi hak yang sama. Memang sudah tentu negara yang memiliki kekuatan ekonomi akan cuba mengenakan tekanan, tapi mereka boleh disekat oleh negara lain yang ekonominya sama kuat,” katanya.

Perdana Menteri berkata, setengah negara di Timur seperti Jepun, China dan Korea, memiliki kekuatan ekonomi dan akan menjadi semakin kuat, terutama China.

“Dengan 1.3 bilion penduduk, apa pun yang dilakukan terhadap China, negara itu akan menjadi kuasa ekonomi dunia,” katanya.

Bagaimanapun, kata Dr Maha-

thir, China tidak akan menguasai dunia kerana beliau percaya negara itu mahu menjalin hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara lain.

Justeru, tidak ada negara akan menjadi ketua dan semuanya mempunyai hak yang sama untuk menentukan hal ehwal antarabangsa.

Mengenai masa depan OIC, Dr Mahathir berkata, walaupun kerjasama di kalangan negara Islam sekarang baik, masih banyak yang boleh dilakukan oleh pertubuhan itu.

“Bagi Malaysia, kita mengadakan kerjasama bukan saja dalam konteks OIC, malah pertubuhan itu turut menyediakan ruang untuk kita mengadakan hubungan, persefahaman dan perjanjian dengan banyak negara Islam terutama dalam bidang ekonomi,” katanya.

Dr Mahathir juga mengulangi kesediaan Malaysia menyertai pasukan untuk melindungi rakyat Palestin jika Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bersetuju menubuhkannya.

Beliau berkata keganasan berterusan Israel terhadap rakyat Palestin tidak mungkin dapat dihentikan selagi negara kuasa besar dunia tidak bertindak terhadap rejim Yahudi itu.